

NO SOALAN :72**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 08.03.2018**

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pencapaian dan kejayaan ekonomi Malaysia yang kononnya mengagumkan masyarakat antarabangsa dengan fakta atau contoh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi negara berkembang pesat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan 5.9% pada 2017 melepasi sasaran awal iaitu antara 5.2% hingga 5.7%. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh serta didorong oleh permintaan luar negeri yang lebih baik.